

Bas tanpa pemandu dilancar 2020

Ujian lebih tiga tahun akan dijalankan di beberapa lokasi dan pelbagai sekitaran

DALAM satu usaha menjadi pemangkin pembangunan dan penggunaan kenderaan tanpa pemandu (AV) untuk meningkatkan sistem pengangkutan di Singapura, Penguasa Pengangkutan Darat (LTA) telah menandatangani perjanjian perkongsian dengan syarikat ST Kinetics.

Perjanjian tersebut bakal menyaksikan sebuah bas tanpa pemandu dibangunkan menjelang 2020 dan menguji bas-bas tanpa pemandu.

Cadangan daripada ST Kinetics itu telah disenaraikan dalam Permintaan Maklumat (RFI) LTA yang dikeluarkan pada Jun 2015.

Ujian bas bagi projek tiga tahun setengah itu akan dijalankan mengikut pelbagai suasana dan sekitaran.

Ia mengetengahkan bagaimana teknologi AV boleh dimanfaatkan sebagai sebahagian konsep mobiliti seperti mobiliti menurut permintaan (*mobility on demand*) dan bas bersifat mandiri atau tanpa pemandu.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan LTA semalam, ia menyatakan cadangan ST Kinetics untuk membangunkan bas tersebut akan membolehkan LTA meneroka sama ada teknologi AV boleh dimanfaatkan untuk membawa penumpang ke destinasi masing-masing dalam masa yang tepat, terutama pada waktu sibuk pagi dan petang.

Ini kerana untuk menggalak lebih ramai orang berjalan kaki atau menggunakan basikal atau kenderaan awam, adalah penting memastikan kenderaan yang disediakan bagi penumpang itu mudah digunakan, selesa dan cekap.

ST Kinetics akan membangunkan

dan menyepadukan teknologi AV kepada bas elektrik yang boleh memuatkan 40 penumpang yang boleh digunakan bagi perkhidmatan perjalanan dalam dan antara bandar.

Demi memastikan bas tersebut boleh bergerak tanpa pemandu, Sistem Kedudukan Global (GPS) serta beberapa sensor akan dimuatkan.

Sensor tersebut mengimbas dan menentukan lokasi bas itu.

Selain itu, bas tanpa pemandu itu bakal mempunyai radar dan sonar yang membolehkannya mengesan kenderaan lain serta pengguna jalan raya sehingga 200 meter di hadapan.

Dalam pada itu, ST Kinetics juga sedang bekerja keras mahu memperbaiki keupayaan bas tersebut mengemudi dalam keadaan cuaca hujan lebat.

Menurut LTA, bas tanpa pemandu yang dicipta akan diuji di beberapa lokasi dan dalam keadaan yang berbebeza.

Ia sedang bekerja rapat dengan pihak yang terlibat seperti Universiti Nasional Singapura (NUS) dan JTC untuk menentukan lokasi percubaan yang sesuai.

Ini termasuk menggunakan Pulau Jurong dan kampus NUS.

Projek bas tanpa pemandu itu dijangka memakan masa tiga setengah tahun dan selesai menjelang 2020.

Sementara itu, Ketua Pegawai Teknologi LTA, Encik Lam Wee Shann, berkata:

“Buat masa ini, kebanyakan pemaju teknologi AV menumpukan perhatian mereka kepada membangunkan kereta tanpa pemandu.

“Keperluan Singapura terhadap kenderaan yang boleh menampung ramai penumpang bagi menyelesaikan permintaan penumpang pada waktu sibuk memberi peluang pada syarikat... membangunkan bas tanpa pemandu bagi menangani permintaan ini.

“Ini juga sehaluan dengan usaha pemerintah meneroka dan menggunakan teknologi bijak demi memperbaiki kehidupan kita.”